

AKIBAT GAGAL MEMATUHI NOTIS PENGUATKUASAAN, AUTORITI PERANCANG MEROBOH DAN MEMBAIK PULIH.

Sebuah syarikat penjualan barang binaan di Mukim Sengkurong telah dikenakan tindakan penguatkuasaan melalui Operasi Roboh yang dijalankan selama dua (02) hari oleh Pihak Autoriti Perancang, berikutan kegagalan pihak syarikat untuk mematuhi kehendak Notis Penguatkuasaan dan Sembilan (09) amaran yang telah dikeluarkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248.

Syarikat tersebut telah didapati membina stor penyimpanan barang tanpa Kebenaran dan menggunakan kawasan kakilima, kawasan petak letak kenderaan, kawasan landskap dan kawasan driveway sebagai tempat mempamerkan barang-barang jualan.

Tindakan tersebut dilaksanakan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39(1)(a) Akta berkenaan iaitu Autoriti Perancang boleh memasuki tapak berkenaan dan mengambil langkah-langkah yang perlu termasuk meroboh, membaik pulih dan memindahkan harta benda yang terdapat di atas tanah berkenaan.

Untuk makluman kepada orang ramai, segala kos dan perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Autoriti Perancang bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan tersebut akan dituntut semula daripada pihak syarikat sebagai hutang sivil.

Pihak yang berkuasa Perancangan ingin menegaskan kepada orang ramai bahawa tindakan penguatkuasaan akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi undang-undang perancangan yang berkuat kuasa. Orang ramai dan pemilik premis adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi keperluan perancangan serta mendapatkan kebenaran yang sewajarnya sebelum menjalankan sebarang pembangunan atau penggunaan tanah.

Untuk sebarang aduan atau khidmat nasihat berkaitan perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di 8200 222.

- TAMAT -